

17 JUN 2004

DR MAHATHIR: JAWATAN PENASIHAT TIDAK ADA GAJI

LANGKAWI, 17 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata jawatan beliau sebagai penasihat Petronas, Proton, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Tioman adalah jawatan tidak bergaji.

Beliau berkata apa yang diperolehinya ketika ini adalah bayaran pencen sebagai Perdana Menteri, jawatan yang dipegangnya selama lebih 22 tahun.

"Saya ingin menerangkan yang saya tidak dapat satu sen pun dengan menjadi penasihat Petronas, Proton, Lada dan (Lembaga Pembangunan) Tioman.

Apa yang saya dapat hanyalah pejabat seperti yang disediakan oleh Petronas," katanya pada majlis perasmian Dialog 2010 di Langkawi Lagoon Resort di sini.

Dr Mahathir berkata beliau ingin menjelaskan perkara itu kerana telah timbul desas desus mengatakan beliau mendapat elaun tertentu sebagai penasihat kepada syarikat dan agensi tersebut.

Beliau bersara pada Oktober tahun lepas.

-- BERNAMA
MAN KHY MOZ